

KESEDIAAN GURU PELATIH FAKULTI PENDIDIKAN UTM BERKHIDMAT DI KAWASAN PEDALAMAN

Baharin Bin Abu & Norhidayah Ismail
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia untuk berkhidmat di kawasan pedalaman. Kajian merangkumi sikap dan minat, kemahiran mengajar, masalah yang dijangkakan berlaku dan juga perbandingan kesediaan antara lelaki dan perempuan. Kajian ini melibatkan 62 orang responden tahun akhir yang terdiri daripada 28 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik)-(SPM) dan 34 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)-(SPT). Responden kajian ini terdiri daripada 55 orang perempuan dan 7 orang lelaki. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A (5 item latarbelakang responden), bahagian B dan C (33 item objektif) dan bahagian D (satu soalan terbuka). Datadata kuantitatif bahagian A, B dan C yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) 12.0 for Windows untuk mendapatkan bentuk peratusan, kekerapan dan min. Data kualitatif bagi item bahagian D dikategorikan mengikut tema dan dikuantitikan dalam bentuk kekerapan. Nilai kebolehppercayaan Alpha Cronbach instrumen adalah 0.96. Dapatan kajian mendapati tahap kesediaan sikap dan minat, dan kemahiran mengajar guru pelatih berada pada tahap sederhana. Berdasarkan perbandingan antara faktor jantina, guru pelatih lelaki lebih bersedia daripada kedua-dua aspek berbanding guru pelatih perempuan. Dapatan kajian juga mendapati beberapa masalah yang dijangkakan berlaku oleh guru pelatih. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih masih berada pada tahap sederhana. Beberapa cadangan kajian turut dibincangkan.

Abstract: The purpose of this research is to identify the readiness level of trainee teachers of Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia for teaching at the rural area. This research include such as attitude and interest, teaching skills, problems that expected occur and also the differences level between male and female. This study involved 62 final years' students which consist of 28 respondents from SPM course, and 34 respondents from SPT course. The total of female respondents is 55 people, and the total of male respondents is 7 people. The instrument used was a questionnaire which was divided into four section. Section A comprised of background items, section B and C comprised of 33 items related to three objectives of this research and section D comprised of an open-ended question. The quantitative data of section A, B and C were analyzed using the Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) 12.0 for Windows to obtain the percentages, frequencies and means. The qualitative data of section D categorized and tabled in terms of frequency. The Alpha Cronbach value for the instrument was 0.96. The results of this research show that the readiness level of attitude and interest, and teaching skills are moderate. Based on the differences of gender factor, male trainee teachers are more prepared in both aspects than female trainee teachers. The result also shows that expected problems that may occur with trainee teacher. As a result, this research shows that the readiness level of trainee teachers still at moderate level. A few suggestions were also discussed.

Katakunci: guru pelatih, kesediaan, pedalaman

Pengenalan

Guru memainkan peranan yang penting dalam pendidikan negara mendapat perhatian daripada kerajaan. Dalam penentuan bajet atau belanjawan negara dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan

(RMK-9), Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah memperuntukkan sejumlah RM50 billion untuk pendidikan dan latihan di mana Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menerima peruntukan kedua tertinggi mengikut kementerian selepas Jabatan Perdana Menteri. Tahap pendidikan yang diterima oleh rakyat akan menentukan kemajuan serta kejayaan negara pada masa depan. Sejarah juga telah membuktikan bahawa kemajuan sesuatu bangsa amat berkait rapat dengan tingginya tahap keilmuan dan pendidikan yang diterima.

Penyataan Masalah

Permasalahan berkenaan isu penempatan guru ke kawasan pedalaman sentiasa menarik perhatian umum terutamanya kepada bakal-bakal guru yang baru sahaja selesai menamatkan pengajian di peringkat ijazah dalam bidang masing-masing. Selain itu, soalan umum yang sentiasa ditanya sewaktu kali pertama ditemuduga untuk kemasukan ke universiti dalam bidang pendidikan juga berkaitan dengan kesanggupan pelajar itu sendiri untuk berkhidmat di kawasan pedalaman apabila tamat pengajian kelak. Tindakan ini menunjukkan betapa isu penempatan ke kawasan pedalaman ini amat dititikberatkan. Namun, kebanyakan pelajar hanya bersetuju sewaktu ditemuduga sahaja, tetapi ramai yang menolak dan memberikan pelbagai alasan apabila tiba waktu untuk dihantar berkhidmat ke sekolah kelak. Permasalahan ini perlu dilihat dengan lebih serius untuk mengenalpasti mengapa situasi sedemikian berlaku. Penolakan guru pelatih untuk berkhidmat di kawasan pedalaman akan menambahkan lagi jurang pendidikan di antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar. Apakah guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM bersedia untuk ditempatkan berkhidmat di kawasan pedalaman?. Oleh itu kajian ini dibuat untuk menilai kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM sendiri untuk ditempatkan di kawasan tersebut.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk :

1. Menenalpasti tahap kesediaan **sikap dan minat** guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di kawasan pedalaman.
2. Menenalpasti tahap kesediaan **kemahiran mengajar** guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di kawasan pedalaman.
3. Menenalpasti **masalah-masalah** bagi guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM untuk ditempatkan berkhidmat di kawasan pedalaman.
4. Membandingkan tahap kesediaan diri guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di kawasan pedalaman. berdasarkan **faktor jantina**.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan agar dapat memberikan maklumat dan kefahaman yang jelas mengenai kesediaan guru untuk ditempatkan di kawasan pedalaman. Justeru itu, kajian ini melihat tahap kesediaan guru pelatih Fakulti Pendidikan untuk dihantar berkhidmat setelah menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Kajian ini membantu pihak Universiti dan Fakulti Pendidikan untuk membuat perancangan bagi meningkatkan kesediaan guru untuk dihantar ke pedalaman dan mendepani pelbagai masalah dalam profession perguruan pada masa akan datang.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat membantu dalam usaha menghasilkan guru berkualiti yang mempunyai tahap kesediaan dan kesanggupan yang tinggi untuk berkhidmat di mana sahaja kelak terutamanya di kawasan pedalaman.

Metodologi

Populasi dan Responden Kajian

Menurut Cooper dan Schlinder (2001) dalam Norallina *et al.* (2007) menyatakan populasi merupakan unit atau subjek yang terlibat dalam kajian yang ingin dijalankan, manakala persampelan merupakan elemen yang mewakili sebahagian daripada populasi yang membolehkan penyelidik membuat kesimpulan tentang keseluruhan populasi.

Kajian ini tertumpu kepada guru pelatih tahun akhir Fakulti Pendidikan UTM bagi sesi 2007/2008. Responden yang dipilih oleh penyelidik dalam kajian ini adalah seramai 62 orang merangkumi keseluruhan pelajar tahun akhir yang mengikuti kursus SPM dan SPT.

Pemilihan responden daripada guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM yang mengambil kursus SPM dan SPT ini adalah kerana kumpulan ini mempunyai ciri yang sama daripada segi bidang pengajian iaitu bidang Matematik. Bidang ini merupakan salah satu daripada subjek kritikal yang diperlukan di sekolah di kawasan pedalaman. Disebabkan peluang untuk responden dihantar ke kawasan pedalaman amat tinggi berikutan keperluan pada masa sekarang, maka responden ini telah dipilih oleh penyelidik dalam menjayakan kajian yang dilakukan. Jika dilihat dalam PIPP, teras 4 iaitu merapatkan jurang pendidikan di mana di dalam meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman, guru baru diwajibkan untuk dihantar ke sana.

Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian yang dilakukan, terdapat dua jenis kaedah pengumpulan data yang digunakan iaitu data primer dan data sekunder. Menurut J.Supranto (1985) dalam Noraime *et al.* (2006), data primer merupakan data yang dikumpulkan dan diolah sendiri oleh seseorang yang mengkaji tentang sesuatu perkara, manakala data sekunder pula ialah data yang diperolehi dalam bentuk sesuatu yang sedia ada yang dibuat oleh pihak lain.

1 Data Primer

Sumber primer ialah sumber asal sesuatu maklumat. Maklumat primer diperolehi apabila maklumat tersebut dikumpul secara langsung daripada individu yang terpilih untuk dikaji (Mohd Majid Konting, 2005). Menurut Rohana (2003) dalam Nor Hidayah *et al.* (2006) soal selidik merupakan alat formal yang digunakan dalam kajian untuk memperolehi maklumat secara langsung daripada responden mengenai perkara yang dikaji oleh penyelidik. Penggunaan soal selidik adalah kaedah paling efektif untuk mendapatkan maklumat yang relevan dalam kajian yang dijalankan.

Data kajian diperolehi daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Penyelidik memilih kaedah soal selidik kerana boleh memperolehi maklumat balas daripada responden dalam jumlah yang ramai.

Instrumen Kajian

Soal selidik adalah instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Soal selidik ini merupakan set soal selidik yang dibina oleh penyelidik bagi tujuan kajian. Sebanyak 62 set soalan soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terpilih. Setiap satu set soal selidik mengandungi 4 bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Soalan-soalan dibina berdasarkan objektif dan persoalan kajian.

Bahagian A soal selidik mengandungi item-item demografi responden seperti jantina, umur, bangsa, kursus dan juga status responden. Jenis item yang digunakan untuk maklumat jantina, kursus, dan status ialah item aneka pilihan jenis Binari dua pilihan. Manakala untuk maklumat bangsa, item yang digunakan ialah item aneka empat pilihan. Responden hanya perlu menanda [/] dalam ruang yang telah disediakan. Bagi maklumat umur, responden perlu menyatakan umur masing-masing pada ruang kosong yang disediakan.

Bahagian B dan C pula mengandungi 33 item soal selidik yang mempunyai hubungkait dengan kesediaan minat dan sikap serta kesediaan kemahiran mengajar guru pelatih untuk berkhidmat di pedalaman. Dalam bahagian ini, responden dikehendaki menandakan bulatan pada salah satu angka yang terdiri daripada angka 1 hingga 4 (Skala Ordinal Empat Mata) yang terdapat di sebelah pernyataan persetujuan yang dipilih. Hasil dapatan bahagian ini dapat menjawab persoalan kajian yang pertama, kedua dan keempat.

Bahagian D soal selidik pula mengandungi satu soalan terbuka. Soalan ini bertujuan untuk menjawab persoalan ketiga kajian iaitu, apakah masalah-masalah yang dijangkakan berlaku oleh guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM ketika berkhidmat di kawasan pedalaman. Item terbuka ini memberi ruang kepada responden untuk menyatakan apa sahaja jawapan atau masalah-masalah yang dijangka akan berlaku kepada mereka. Jawapan yang diberikan membantu penyelidik mengenalpasti masalah-masalah yang mungkin menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk berkhidmat kelak.

Soalan terbuka yang dikemukakan ialah :

Nyatakan masalah yang anda hadapi jika ditempatkan berkhidmat mengajar di kawasan pedalaman.

2 Data Sekunder

Maklumat sekunder diperolehi secara tidak langsung daripada sumber-sumber yang berkaitan dengan sesuatu masalah yang dikaji. Maklumat sekunder diperolehi daripada sumber-sumber kedua (Mohd Majid Konting, 2005). Maklumat sekunder juga merujuk kepada data atau maklumat yang diperolehi melalui pembacaan dan penelitian dalam dokumen dan bahan bercetak. Maklumat ini digunakan untuk menyokong isu kajian yang dijalankan.

Kajian Rintis

Kajian rintis terhadap soalan kajian dilakukan terlebih dahulu untuk menguji keesahan soalan. Menurut Mohd Najib (1999), sebelum melakukan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Soal selidik yang telah dibuat oleh penyelidik perlu diuji bagi mengekalkan kualiti dan membantu mencapai objektif penyelidikan.

Menurut Bailey (1992), kajian rintis ialah peringkat terakhir dalam pembentukan soal selidik. Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menentukan kebolehppercayaan dan keesahan alat yang digunakan. Di samping itu, ia bertujuan bagi memastikan kefahaman responden dari segi bahasa dan struktur ayat yang digunakan.

Penyelidik telah membuat kajian rintis ke atas 13 orang pelajar SPT Fakulti Pendidikan, UTM. Kajian rintis ini bertujuan untuk memastikan soalan-soalan yang akan diedarkan dalam kajian sebenar mudah difahami, jelas dan menepati kehendak objektif kajian memandangkan set soal selidik ini adalah pertama kali dibina oleh penyelidik. Oleh itu, ia memerlukan penambahbaikan bagi menghasilkan set soal selidik yang mempunyai keesahan dan kebolehppercayaan yang tinggi.

Perbincangan

Perbincangan Latar Belakang Responden

Hasil kajian yang dilakukan ke atas pelajar tahun akhir bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik)–SPM dan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)–SPT menunjukkan perbezaan yang ketara antara jantina. Jumlah responden perempuan adalah lebih tinggi berbanding responden lelaki dengan jumlah 55 orang pelajar perempuan dan 7 orang pelajar lelaki. Keadaan ini membuktikan bahawa fenomena perempuan yang memilih profession perguruan sebagai kerjaya adalah lebih tinggi dan mengatasi bilangan lelaki. Namun, daripada dapatan kajian yang dilakukan, faktor jantina mempengaruhi tahap kesediaan guru pelatih untuk berkhidmat di pedalaman, di mana guru pelatih lelaki lebih bersedia berkhidmat di pedalaman berbanding dengan guru pelatih perempuan.

Seterusnya, melihat kepada umur responden yang terlibat. Jumlah peratusan yang paling tinggi adalah responden yang berusia 23 tahun. Kajian yang dilakukan tertumpu kepada guru pelatih yang bakal menamatkan pengajian mereka pada usia seawal 23 tahun. Usia ini menunjukkan bahawa responden masih muda dan masih baru dalam dunia pendidikan. Mereka memerlukan banyak masa untuk mendapatkan pengalaman dan mempersiapkan diri bagi menempuhi alam sebenar dalam dunia pendidikan.

Majoriti responden yang terlibat adalah daripada bangsa Melayu. Bangsa Melayu dilihat lebih ramai yang meminati profession perguruan. Bangsa lain dilihat kurang tertumpu kepada bidang perguruan kerana kebiasaan senario yang dilihat di Malaysia, bangsa Cina umumnya lebih meminati bidang perniagaan untuk dijadikan kerjaya berbanding bidang-bidang lain.

Responden yang terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik)–SPM, adalah seramai 28 orang, manakala pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)–SPT adalah seramai 34 orang. Responden yang dipilih ditetapkan oleh penyelidik bagi memperoleh dapatan kajian yang menyeluruh khusus kepada responden yang dipilih sahaja.

Perbincangan diteruskan kepada status responden yang terlibat. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat adalah berstatus bujang dan belum berkahwin. Oleh itu, tiada perbandingan dapat dibuat berdasarkan status responden. Berdasarkan analisis dapatan yang diperolehi berkenaan masalah yang dijangkakan berlaku oleh guru pelatih, status juga termasuk dalam salah satu daripada masalah yang dinyatakan.

Perbincangan Kajian

Perbincangan daripada hasil kajian ini adalah lebih tertumpu kepada hasil dapatan yang didapati daripada analisis yang dilakukan dalam bab empat. Keempatempat objektif akan dibincangkan iaitu, kesediaan sikap dan minat, kemahiran mengajar, masalah yang dijangkakan berlaku dan perbandingan kesediaan berdasarkan faktor jantina.

Tahap kesediaan sikap dan minat guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di kawasan pedalaman

Berdasarkan analisis yang dijalankan bagi mengenalpasti tahap kesediaan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik)–SPM dan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)–SPT, didapati jumlah responden yang bersetuju dan bersedia untuk berkhidmat di kawasan pedalaman berada pada tahap yang sederhana. Ini membuktikan

bahawa daripada segi sikap dan minat, responden kurang bersedia dengan segala aspek yang dikemukakan oleh penyelidik. Aspek kesediaan yang dinyatakan oleh penyelidik merujuk kepada kecenderungan responden untuk dihantar berkhidmat di pedalaman, kesanggupan menerima beban kerja yang banyak, kesediaan berhadapan dengan pelbagai masalah keselamatan diri, kesediaan menghadapi kekurangan kemudahan, kesediaan daripada segi pengorbanan masa untuk menjalankan aktiviti diluar waktu persekolahan, serta kesediaan untuk membuat hubungan yang baik dengan masyarakat setempat di pedalaman.

Faktor keupayaan menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja dalam bentuk kesesuaian jenis personaliti seseorang dengan persekitaran itu. Apabila jenis personaliti tersebut tidak sepadan dengan persekitarannya, maka berlakulah punca kepada sikap tidak berminat terhadap kerja mahupun perkembangannya (Holland, 1973).

Sikap meliputi tiga komponen yang utama iaitu afektif, perilaku dan kognisi. Komponen afektif merangkumi emosi positif dan negatif individu terhadap sesuatu iaitu bagaimana perasaan seseorang terhadapnya. Komponen perilaku pula terdiri daripada kecenderungan atau bertujuan untuk bertindak pada tingkah laku tertentu yang berkait dengan sikap kita. Manakala komponen kognisi merujuk kepada kepercayaan dan pemikiran yang dipegang oleh seseorang terhadap sesuatu objek. Ketiga-tiga komponen dalam sikap ini saling berhubungan dan seterusnya berfungsi dalam pembentukan dan pemantapan sikap individu (Rajecki, 1989).

Menurut Katz (1966), sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu di dalam memberi nilai terhadap simbol objek atau apa yang disukai atau tidak. Seterusnya sikap adalah sesuatu yang terhasil daripada perasaan, kepercayaan atau pemikiran seseorang terhadap objek psikologi.

Pendidikan ialah proses mengubah seseorang bagi membolehkan dia menyesuaikan dirinya dari segi fizikal, mental, emosional moral dan kerohanian kepada keadaan semasa dan setempat, dan juga membolehkan dia menghadapi cabaran dalam pelbagai bidang sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Sebagai proses hidup ianya terikat kepada tekanan masyarakat setempat dan semasa selain daripada tekanan universal. Di dalam hal ini, pendidikan ialah proses pembudayaan yang menjadi asas kepada tamadun bangsa untuk terus tegak dalam arus perkembangan ketamadunan dunia (Prof.Dr.Abu Bakar Nordin, 1994).

Minat dan kecenderungan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap individu yang berminat dalam perkara yang dipelajari akan menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam perkara yang diceburi. Dalam proses pemilihan, minat memainkan peranan yang sangat penting sebagaimana yang telah disarankan oleh Holland (1973), dalam kajiannya iaitu pemilihan kerjaya adalah dipengaruhi atau didorong oleh minat seseorang.

Secara kesimpulannya, daripada aspek sikap dan minat, guru pelatih masih kurang bersedia untuk berkhidmat di kawasan pedalaman. Oleh itu ia perlu dipertingkatkan bagi menghasilkan guru yang berkualiti yang mampu menyumbang di dalam dunia pendidikan. Sikap dan minat untuk berkhidmat di kawasan pedalaman perlu disemai dan dipupuk agar guru-guru mampu membantu menyumbang ke arah pendidikan pelajar tanpa mengira lokasi di mana guru ditempatkan.

Tahap kesediaan kemahiran mengajar guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di kawasan pedalaman.

Analisis kajian yang dijalankan melihat kepada tahap kesediaan guru pelatih berdasarkan kemahiran mengajar. Hasil dapatan kajian merujuk kepada persoalan kajian kedua iaitu “Apakah tahap kesediaan kemahiran mengajar guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di kawasan pedalaaman?”

Dapatan menunjukkan tahap kesediaan kemahiran juga berada pada tahap sederhana. Seseorang guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran mengajar sebagai persediaan menghadapi pelbagai masalah dalam dunia pendidikan. Seseorang guru yang mempunyai kemahiran mengajar boleh menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dengan cara yang betul.

Menurut Abdul Rahim Abd.Rashid (2000), guru perlu mempunyai pengetahuan yang terkini (*up-to-date*) dalam kemahiran meningkatkan kemahiran pelajar, khususnya dalam aspek-aspek kaedah mengajar, perancangan penggunaan sumber dan aktiviti murid, menangani kelemahan murid dan meningkatkan kemahiran cara belajar, pengetahuan teknologi maklumat, pengetahuan dalam pengurusan bilik darjah, pengetahuan mengenai teori-teori terkini dan sebagainya. Guru yang bijak menyampaikan pengajaran dapat mengoptimumkan pembelajaran pelajar.

Wan Zahid (1996) menyarankan bahawa untuk membentuk persekitaran kerja yang baik, guru perlulah meningkatkan pengetahuan dan memperbaiki kemahiran mereka. Dengan kepakaran dan kelayakan yang tinggi guru-guru akan dilihat sebagai lebih berkemampuan dalam memberi sumbangan terhadap pembentukan persekitaran yang sesuai dan kondusif.

Fungsi utama guru ialah untuk memastikan pembelajaran berlaku kepada pelajar. Guru perlu mahir menggunakan pendekatan dan strategi yang sesuai untuk mewujudkan pembelajaran berkesan. Pengajaran efektif berlaku apabila kaedah pembelajaran yang dikelola oleh guru memenuhi keperluan pelajar dan terdapat peningkatan samada dalam pengetahuan, kemahiran, sikap ataupun pemahaman pelajar (Capel *et al.*, 2001).

Dalam pada itu, bagi melahirkan guru yang berkualiti, keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu dipertingkatkan. Ini bermakna guru perlu memiliki kemahiran yang jitu dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha melahirkan sumber manusia yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif demi untuk pembangunan negara.

Masalah-masalah bagi guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM untuk ditempatkan berkhidmat di kawasan pedalaman.

Analisis kajian dijalankan bagi melihat kepada masalah-masalah yang dijangkakan berlaku oleh guru pelatih ketika berkhidmat di pedalaman. Antara masalah utama yang dinyatakan oleh responden adalah berkaitan dengan masalah kemudahan, masalah menyesuaikan diri dengan persekitaran dan masalah jarak.

Guru-guru pelatih perlu mempersiapkan diri untuk berkhidmat di kawasan pedalaman setelah mengetahui masalah-masalah yang mungkin berlaku di sana. Hal ini adalah penting bagi meningkatkan jati diri dan keupayaan mereka dalam menangani cabaran serta perkembangan semasa yang pesat berlaku dalam dunia pendidikan negara.

Perbandingan tahap kesediaan diri guru pelatih Fakulti Pendidikan UTM berdasarkan faktor jantina.

Hasil kajian yang ditunjukkan jelas terdapat perbezaan di antara kesediaan guru pelatih lelaki dengan guru pelatih perempuan. Guru pelatih lelaki mencatatkan min yang tinggi bagi keseluruhan item kesediaan sikap dan minat yang dinyatakan, kecuali pada item 6, 7, 9, 12 dan 13. Ini menunjukkan guru pelatih lelaki belum bersedia daripada aspek menerima bebanan kerja yang banyak, tidak bersedia untuk berhadapan dengan masalah keselamatan diri, kurang berminat untuk mengajar jika ditempatkan di pedalaman, kurang bersedia untuk menjalankan aktiviti sekolah pada hujung minggu dan kurang bersedia melakukan tugas-tugas tambahan selain mengajar ketika berkhidmat di pedalaman. Guru pelatih

perempuan mencatatkan nilai min yang rendah pada keseluruhan item kecuali pada item 18 dengan min 3.02. Dapatan menunjukkan guru pelatih perempuan mempunyai kesediaan yang tinggi hanya pada item yang menyatakan guru pelatih berusaha membuat hubungan yang baik dengan masyarakat dan ibubapa pelajar di kawasan pedalaman.

Berdasarkan perbandingan kesediaan kemahiran mengajar, guru pelatih lelaki mencatatkan min yang tinggi pada keseluruhan item yang dinyatakan kecuali pada item 25 dan 32. Ini menunjukkan guru pelatih lelaki kurang bersedia daripada aspek kemahiran menggunakan pendekatan masteri dan kemahiran menggunakan strategi pengajaran pemulihan secara individu. Manakala guru pelatih perempuan menunjukkan kesediaan yang tinggi hanya pada beberapa aspek iaitu pada item 20, 23, 24, 27, 28, 29 dan 30.

Secara kesimpulannya, min keseluruhan menunjukkan guru pelatih lelaki mempunyai kesediaan yang lebih tinggi berbanding guru pelatih perempuan untuk berkhidmat di pedalaman. Guru pelatih perempuan mempunyai halangan-halangan daripada aspek status, keselamatan diri, keluarga dan sebagainya. Guru perempuan yang sudah berumahtangga lebih cenderung untuk berkhidmat di tempat yang sama atau hampir dengan suami. Keselamatan diri guru perempuan juga menjadi salah satu halangan mengapa guru wanita kurang bersedia berbanding guru lelaki selain daripada aspek kemudahan, jarak yang jauh dengan keluarga dan lain-lain.

Rumusan

Penemuan-penemuan di dalam kajian ini secara tidak langsung memperlihatkan kepada semua pihak perlunya perhatian khusus dibuat untuk memahami dan meneliti kesediaan bakal-bakal guru yang dihasilkan oleh sistem pendidikan negara pada masa kini. Kekurangan kesediaan daripada diri seseorang guru akan memberi kesan yang ketara kepada sistem pendidikan negara kita pada masa depan. Sekiranya masalah berkenaan kesediaan guru untuk berkhidmat di pedalaman tidak cuba diatasi, pihak kementerian tidak akan mampu untuk mencapai matlamat mengurangkan jurang yang berlaku di antara sekolah di pedalaman dan sekolah di bandar. Di sini dapat dilihat bahawa seseorang guru berperanan besar dalam membantu melahirkan insan yang berilmu dan berkualiti demi kepentingan semua pihak.

Kesimpulannya, guru pelatih perlu berusaha untuk mencapai tahap kesediaan yang tinggi bagi melahirkan golongan professional yang cemerlang di dalam bidang pendidikan. Guru yang cemerlang sentiasa berusaha mempertingkatkan diri untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Tahap kesediaan guru akan memberikan kesan yang ketara bukan sahaja kepada pelajar dan masyarakat sekolah, tetapi terhadap pembinaan kehidupan seseorang insan. Dengan usaha dan pemahaman yang jelas tentang peranan dan tugas seseorang guru membantu guru pelatih untuk lebih bersedia berkhidmat walau di mana sahaja mereka ditempatkan kerana guru mengajar dan mendidik bukanlah semata-mata berdasarkan tempat guru berkhidmat, tetapi disebabkan penghayatan seseorang guru itu terhadap makna sebenar insan yang bergelar pendidik. Oleh itu, setiap warga pendidik mahupun seorang insan yang bergelar guru perlu menyedari betapa mulianya tugas yang diamanahkan kepada seseorang yang dikenali sebagai pendidik. Maka wajarlah setiap pendidik mempersiapkan diri untuk menjadi insan yang mulia itu.

Rujukan

- Abd. Fatah Hassan (2001). *Penggunaan Minda Secara Optimum Dalam Pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors.
- Abd. Ghafar Md. Din (2003). *Prinsip Dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.

- Abdul Rahim Abd. Rashid (2000). *Wawasan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Abdullah Sani Yahya (2003). *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin (1994). *Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Ahmad Mahdzan Ayob (2005), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohd Salleh (1995). *Pendidikan Islam (Dinamika Guru)*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Ahmad Johari Sihes, Sumi Hj. Isman, Ishak @ Ishaq Yahaya dan Miswan Zain (1998). Konsep Pengajaran Berkesan. *Berita Fakulti Pendidikan*. 3(10).
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakaria dan Fawziah Yahya (2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, (1998). *Prosedur Pelaksanaan Dasar dan Pekeliling Tentang Penempatan dan Pertukaran Guru*. Kuala Lumpur.
- Bailey.K.D (Terj: Hashim Awang) (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 21-30.